

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, October 31, 2019 11:36 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Dedikasi Petugas Jayakan Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

31 OKTOBER 2019 / 3 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

DEDIKASI PETUGAS JAYAKAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-32 UUM



UUM ONLINE: Pasti nya hari bersejarah Majlis Konvokesyen Ke-32 UUM yang sudah melabuhkan tirainya pada 23 Oktober lalu bukan sahaja meninggalkan senyuman kebahagiaan kepada graduan yang diraikan, malahan kepada petugas yang telah bertungkus-lumus menjayakan Majlis utama universiti itu.

Di sebalik kejayaan pelaksanaan majlis itu, petugas konvo terdiri staf pentadbiran dan akademik serta pelajar merupakan orang kuat yang berganding bahu dalam merealisasikan impian graduan sejak dari awal semester sehingga berjaya menggenggam ijazah.

Mereka setia memberi buah fikiran, mengorbankan masa, tenaga dan momen berharga bersama keluarga demi memastikan kelancaran majlis yang gilang-gemilang ini.

Sarat dengan kasih sayang, semangat berpasukan yang tinggi, kerjasama dan saling hormat-menghormati, petugas konvo menjalankan amanah yang tergalas di bahu dengan penuh dedikasi selari dengan pesanan Nabi Muhammad SAW:

Sesungguhnya perumpamaan seorang mukmin seperti lebah. Dia memakan yang baik dan mengeluarkan yang baik, bila ia hinggap tidak membuat dahan patah dan rosak.

Jadilah seperti lebah yang penuh dengan sifat-sifat positif untuk diteladani. Sebarkan kebaikan, mudahkan urusan rakan-rakan, bercakap dengan santun menggunakan akal budi bukannya emosi, sentiasa ceria melaksanakan tugas dengan profesional dan berintegriti.

Terimalah sesuatu dengan lapang dada setelah melakukan yang terbaik dan jadikan agenda hari ini lebih baik dari semalam agar gedung ilmu ini menjadi tempat belajar dan bekerja yang menyeronokkan.

Dengan hati yang tenang dan positif baik dari tukang kebun sehinggalah pengurusan tertinggi pastinya kita berupaya menggalas tanggungjawab untuk melangkah lebih jauh, di samping menimba ilmu serta memberikan sesuatu kepada komuniti selari dengan moto UUM iaitu *Ilmu, Budi, Bakti*.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.